10 universiti 'favourite' majikan minyak dan gas

Rencana Utama
Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

MINGGU ini, K-Kompus membawakan 10 universiti teratas yang graduannya paling laku dalam industri minyak dan gas seperti mana dikongsikan oleh Instagram Meta Oil & Gas (oilandgasmeta), ia sekali gus sesuai dijadikan rujukan oleh pelajar terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat mengikuti pengajian bidang ini.

K-Kompus menyediakan senarai dengan cuba merungkai kelebihan atau kekuatan universiti-universiti terbabit sehingga diburu majikan industri minyak dan gas.

1 Universiti Teknologi Petronas (UTP) - 83%

TERLETAK di Bandar Seri Iskandar, Perak, UTP dimiliki sepenuhnya oleh Petroliam Nasional Berhad (Petronas), syarikat minyak dan gas nasional Malaysia.

UTP menawarkan pelbagai program kejuruteraan, sains dan teknologi relevan dengan industri. Sejak penubuhannya, UTP telah mencapai reputasi kukuh dalam dengan penekanan khusus dalam sektor minyak dan gas serta tenaga.

Berada di ranking No1 universiti terbaik Malaysia menurut senarai *The Higher Education* 2025 sudah cukup menggambarkan hebatnya.

Menurut pengarah UTP, Dr. Iskandar Dzulkarnain, pelbagai program berkualiti ditawarkan.

Jelasnya, semua kursus UTP merupakan program yang rata-katanya disukai majikan sekali gus menyediakan tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi.

"Tidak dinafikan semua kursus UTP tawarkan mengambil kepentingan utama semasa profesion ditawarkan termasuk dalam O&G. Kedua, jenama kami itu sendiri (Petronas) juga menjadi tambah nilai sekali gus menyumbang kepada kebolehpasaran graduan selepas tamat belajar," katanya.

2 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - 80%

UTM yang menduduki tempat kedua sudah dikenali umum sebagai institusi peneraju dalam bidang kejuruteraan petroleum di negara ini.

Maka tidak hairanlah graduan yang dilahirkan dari universiti yang terletak di selatan tanah air sentiasa menjadi dambaan para majikan berteraskan minyak dan gas.

Dari hari ke hari pelbagai kolaborasi dijalankan UTM dengan pemain industri dalam dan luar negara bagi memastikan program yang ditawarkan kekal relevan.

Terbaharu, UTM turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama Petronas Carigali Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Petroliam Nasional Berhad (Petronas) bagi memperkukuh kerjasama dua hala khususnya dalam konteks akademik dan industri.

Menerusinya, ia dilihat sebagai pemangkin penting dalam merapatkan jurang antara akademia dan keperluan industri, khususnya dalam sektor minyak dan gas yang boleh dilanggapi kian mencabar.

Kerjasama itu juga menjadi bukti bahawa gabungan kepakaran akademik dan industri adalah kunci untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja kompeten, malah bersedia menyumbang secara signifikan dalam pembangunan industri strategik negara.

3 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) - 78%

UMPSA semakin mendapat perhatian syarikat syarikat dalam industri minyak dan gas di Malaysia terutama melalui kerjasama strategik yang melibatkan pembangunan bakat, penyelidikan dan teknologi.

Sebagai sebuah universiti bertaraf kejuruteraan dan teknologi, UMPSA telah jalin kerjasama dengan beberapa syarikat utama dalam industri O&G, antaranya Petronas Chemicals MTBE Sdn. Bhd., BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd., Kaneka (Malaysia) Sdn. Bhd. dan lain-lain.

Kerjasama ini melibatkan MoU dan perjanjian (MoA) bertujuan perkukuh hubungan antara universiti dan industri khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Naib Canselor UMPSA, Prof. Dr. Yatimah Alias berkata, UMPSA juga menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Minyak Dan Gas) melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA).

"Program itu direka khas untuk lahirkan graduan berkemahiran tinggi dengan penekanan kepada pembelajaran berasaskan kerja Work Based Learning (WBL) dan pembelajaran berasaskan projek Problem Oriented Project Based Learning (POPBL)," katanya.

Begitu juga program Sarjana Muda Teknologi Fasiliti Minyak Dan Gas dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Petroleum) yang ditawarkan melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP) serta lain-lain.

4 Universiti Kuala Lumpur (UniKL) - 75%

BERADA di kedudukan keempat dalam senarai merupakan satu pengiktirafan penting terhadap usaha berterusannya dalam menyediakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) berkualiti serta selari keperluan industri.

Pencapaian ini juga memperlihatkan komitmen padu pihak universiti dalam memastikan program akademik yang ditawarkan terus relevan dan responsif terhadap kehendak pasaran kerja.

Sejak 2006, lebih 2,000 graduan UniKL berjaya mencipta kerjaya di dalam sektor minyak dan gas, sekali gus mencerminkan keberkesanan jaringan strategik antara UniKL dengan pihak industri.

Malah, subjek kejuruteraan yang ditawarkan oleh UniKL turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila tersenarai dalam World University Rankings by Subject 2025: Engineering oleh THE

Pengiktirafan sebagai Graduates' Choice of Employers oleh Talentbank selama dua tahun berturut-turut antara bukti

5 Universiti Sains Malaysia (USM) - 72%

USM terus melangkah maju dalam pelbagai program termasuklah pengajian berkait sektor minyak dan gas.

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Universiti Sains Malaysia (USM) telah ditubuhkan pada 1 Mei 1992 sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).

Penubuhannya bertujuan untuk menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia bagi melatih jurutera kimia profesional yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan industri proses kimia serta minyak dan gas yang pesat membangun di negara ini.

Kini, USM menjadi salah sebuah institusi pendidikan yang melahirkan serta menyumbang ribuan graduan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja dalam sektor petroleum negara.

6 Universiti Putra Malaysia (UPM) - 70%

UPM terus menyerlah sebagai institusi terkemuka yang menjadi pilihan utama sektor petroleum dan gas, berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), Kementerian Pendidikan Tinggi 2024.

Seramai 122 graduan UPM telah berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor ini pada 2Q24, melibatkan graduan dari Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul serta Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah berkata, graduan fakulti berkenaan menjadi buruan majikan dari sektor industri petroleum dan gas disebabkan kurikulum relevan serta praktikal memenuhi keperluan industri itu.

"Pendekatan pembelajaran menyeluruh ini memastikan graduan UPM bukan sahaja mahir dari segi teknikal, tetapi juga mampu menangani cabaran kompleks dalam sektor tersebut. UPM menggalakkan pelajar menjalani latihan industri di syarikat ternama seperti Petronas, Shell, Sapura, Schlumberger, Hibiscus Petroleum, ExxonMobil, MMHE dan lain-lain," katanya.

7 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - 68%

UKM memperkenalkan beberapa program khusus dalam sektor minyak dan gas yang dikawal selia Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Sains dan Teknologi.

UKM turut menjalankan pelbagai kolaboratif bersama pelbagai syarikat berkaitan minyak dan gas dalam serta luar negara dalam usaha melahirkan dan menyumbang tenaga mahir bidang tersebut.

Ini menjadikan kebolehpasaran graduan UKM dalam sektor minyak dan gas kian meningkat saban tahun.

8 Universiti Utara Malaysia (UUM) - 65%

MESKIPUN bukan universiti teknikal, namun UUM membuktikan graduan pengurusannya termasuk bidang pengurusan sumber manusia, perakaunan, ekonomi dan keusahawanan antara yang kompeten.

Menurut Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Foad Sakdan, kualiti graduan UUM terbukti boleh melengkapkan operasi sesebuah organisasi.

"Penyenaraian UUM dalam carta ini membuktikan program akademik kami telah memenuhi keperluan industri yang kian mencabar, termasuk dalam sektor strategik seperti minyak dan gas," katanya.

9 Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) - 63%

PROGRAM berkaitan minyak dan gas Unimas dikendalikan sepenuhnya Fakulti Kejuruteraan mereka.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, fakulti itu mempunyai kemudahan dan kepakaran bagi menganjurkan program-program latihan bersifat kompetensi dan bukan kompetensi dalam bidang gas. Sumber minyak dan gas yang melimpah di negeri Bumi Kenyalang itu turut menjadikannya penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sekali gus sebagai faktor utama graduan Unimas diburu syarikat berkaitan.

10 Universiti Teknikal Malaysia Melaka - 60%

MENURUT Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts Dr. Masila Kamalrudin, program-program dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Elektrik, Elektronik, Automasi, Pembuatan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan memberi kelebihan besar kepada graduan UTeM yang memasuki sektor minyak dan gas terutama dalam bidang operasi loji, penyelenggaraan peralatan berat, serta automasi dan sistem kawalan.